

Bah

PERWAKILAN MAJLIS TERTINGGI UMNO TEMUI RAJA-RAJA PADA 25 APRIL

Umno - Raja

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Perwakilan Majlis Tertinggi (MT) Umno akan mengadakan pertemuan dengan Raja-Raja Melayu pada 25 April ini untuk mempersembahkan Tatacara Perilaku Raja-raja yang telah disiapkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perwakilan Umno untuk pertemuan terdiri daripada ketiga-ketiga Naib Presiden parti iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid serta setiausaha agung Datuk Mohamed Rahmat dan bendahari Tun Daim Zainuddin, kata Perdana Menteri malam ini.

Bercakap pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat khas MT di sini, beliau berkata mesyuarat itu telah membincang dan menyemak secara mendalam serta membuat beberapa pindaan terhadap dokumen Tatacara Perilaku itu.

MT Umno pada 7 Mac lepas telah melantik tujuh anggotanya bagi menyediakan kertas kerja mengenai Tatacara Perilaku Raja-raja berhubung soal-soal yang meliputi pembabitan Raja dalam politik, pentadbiran dan perniagaan.

Mereka ialah Anwar, Abdullah, Sanusi, Mohamed, Daim, Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz. -- Lagi

▼18/04/00-52MST

Bah

Umno - Raja 2 Kuala Lumpur.

Sebelum itu, anggota-anggota MT diketuai Anwar telah menemui Majlis Raja-raja pada 25 Feb.

Pada pertemuan itu Majlis Raja-raja bersetuju supaya MT Umno merangka Tatacara Perilaku Raja-raja yang akan menetapkan peraturan dan tafsiran Raja Berperlembagaan serta soal-soal seperti perlantikan Menteri Besar, anggota-anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan perlantikan pegawai kerajaan peringkat negeri serta kaedah mengenai soal-soal seperti amalan perniagaan di kalangan kerabat Raja dan perbelanjaan istana.

Keesokkan harinya, ketiga-tiga naib presiden bersama-sama setiausaha agung dan bendahari dipanggil semula oleh Majlis Raja-raja yang mahukan penyediaan Tatacara Perilaku itu disegerakan.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata beliau tidak dapat memberitahu isi kandungan dokumen itu kerana ia belum dipersembahkan dan dipersetujui oleh Raja-raja.

Katanya, mesyuarat MT diadakan malam ini untuk membincangkan Tatacara Perilaku Raja-raja kerana beliau akan pergi ke Vietnam Ahad ini sehingga 24 April.

Ditanya mengenai soal Raja-raja telah dijadikan isu dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Bukit Payung, beliau berkata perkara itu memang merupakan permainan parti lawan. -- Lagi

▼18/04/01-03MST

Bah

Umno - Raja 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Sebenarnya parti lawan ingin Raja-raja membuat sesuatu yang akan menimbulkan kemarahan kepada rakyat dan akhirnya akan jadi sengketa antara rakyat dan Raja. Ini kehendak parti lawan,+ katanya.

Sebab itu, katanya, parti lawan tidak suka melihat tindakan Umno (menyediakan Tatacara Perilaku) yang bertujuan menyelamatkan Raja-Raja dengan menentukan Raja-Raja mematuhi peraturan bagi menentukan tiada sengketa antara Raja-Raja dan rakyat.

+Ini niat Umno... tetapi parti lawan sepertimana kita tahu tidak pernah sama sekali dalam perlembagaan mereka menyebut sokongan mereka kepada Raja sedangkan Umno menyebutnya,+ katanya.

Ini jelas menunjukkan parti lawan ingin mencari kesempatan, katanya sambil menambah bahawa mereka nampaknya suka kalau Raja-Raja membuat sesuatu yang menimbulkan kemarahan rakyat supaya pada akhirnya Raja-Raja tersingkir kerana memang daripada awal parti lawan tidak suka kepada sistem Raja.

Katanya, parti lawan mungkin lebih suka kepada sistem imam atau yang lain.

Timbalan Presiden parti Encik Ghafar Baba tidak menghadiri mesyuarat khas MT itu. -- Bernama

▼18/04/01-20MST